


# Berita Stats

[www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my)

Julai - Disember 2015 | Bil. 2/2015



ACSS disenaraikan dalam ASEAN Charter, Berita penuh di halaman 16



Larian statistik tarik minat Gen Y



11



Data berkualiti,  
kehidupan sejahtera



Malaysia berjaya membida sebagai tuan rumah persidangan statistik berprestij dunia 2019



14

# Kandungan

Julai - Disember 2015

**03** Perutusan Ketua Perangkawan

**04** Tinta Pengarang

**05** Profil Pengarah

- Pengarah BPE
- Pengarah JP Pulau Pinang
- Pengarah JP Melaka
- Pengarah JP Perlis

**09** • Lawatan

- Kunjungan hormat daripada NSU, MOF

**10** • Seminar Transformasi Statistik bersama komuniti

- Bicara Statistik di Universiti

**11** STATS Run

**12** Bicara Statistik 2015: The Power of Statistics

**13** Malaysia Statistics (MySTATS) Conference 2015

**14** Malaysia menjadi tuan rumah ISI WSC ke-62 pada 2019 di Kuala Lumpur

**15** • Bantuan Teknikal oleh Konsultan UNSD bagi Development Account Project Supporting Developing Countries Measure Progress towards Achieving a Green Economy

- 1st Meeting of the Working Group on International Merchandise Trade Statistics (WGIMTS)

**16** The 5th Session of the ASEAN Community Statistical System Commitee

**18** • Kumpulan Q-STATS Johan Zon Agensi Persekutuan (Kategori Pengurusan) Konvensyen KIK Wilayah Selatan

- Majlis Penyerahan Sijil Pengiktirafan Amalan EKSA oleh MAMPU

**19** Aktiviti Pameran

**20** Majlis Sambutan Hari Integriti 2015

**21** Aktiviti Sosial dan Kebajikan

- Majlis Silaturahim & Pengimaran Ramadhan Al- Kareem 2015

- Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Jabatan Perdana Menteri

**22** Sukan Antara Zon

**23** Minggu Perbudayaan Inovasi & Kreatif dan Hari ICT 2015

**24** Kolokium Statistik 2015



## SIDANG REDAKSI

### Penasihat

YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman bin Hasan  
Ketua Perangkawan Malaysia

### Ketua Pengarang

Tuan Haji Ismail bin Yusoff  
Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia (Program Ekonomi)

### Penolong Ketua Pengarang

Puan Rafliza binti Ramli  
Pengarah Bahagian Korporat dan Khidmat Pengguna

### Pengarang

Encik Khairolnizam Hassan (BKKP)  
Encik Azmi Ali (Unit Integriti)  
Puan Ho Mei Kei (BKKP)  
Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)  
En. Muhamad Ridzuan Azahari (ILSM)  
Puan Munerah Mohamad Zaman (JP Selangor)  
Puan Noor Azwa Ansar (BMP)  
Puan Zulina Jusoh (BKKP)  
Puan Siti Iesnorhana Ibarahim (BKKP)

### Setiausaha

Puan Nur Adnin Mohd Jamal @ Kamar (BKKP)

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BLOK G6, KOMPLEKS C, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN, 62514 PUTRAJAYA.

TEL: 03-8885 7000    E-MAIL: [jpbkkp@stats.gov.my](mailto:jpbkkp@stats.gov.my)  
FAKS: 03-8888 9248    PORTAL: [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my)

BIL.  
**02** | EDISI  
**2015**

# PERUTUSAN

## Ketua Perangkawan Malaysia

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Statistik.

Dengan keperluan pembangunan lestari di peringkat global dan nasional, peranan pengamal statistik memerlukan transformasi dalam bisnes proses yang menepati keperluan semasa serta masa hadapan. Dalam konteks pembangunan lestari, dunia telah menetapkan matlamat global yang akan dicapai pada tahun 2030. Pada September 2015, ketua-ketua negara dunia (termasuk Malaysia) semasa Sidang Kemuncak PBB ke 70, di New York telah menerima pakai 17 matlamat Sustainable Development Goal (SDG) yang merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar dengan 169 sasaran. Untuk mengukur pencapaian matlamat global tersebut, sebanyak 229 indikator telah dikenal pasti dan Jabatan Perangkaan berperanan sebagai focal point bagi penyelarasan dalam penyusunan indikator SDG dari pelbagai sumber.

Pembangunan lestari di peringkat nasional pula telah digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang merupakan fasa terakhir ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020. RMK-11 telah memberi fokus kepada kemakmuran dan kejayaan negara agar dapat dikecapi oleh seluruh rakyat. Lebih banyak statistik baharu diperlukan oleh kerajaan untuk menilai, memantau dan seterusnya menjadi input dalam kajian semula polisi yang ditetapkan sebelum ini agar perancangan pembangunan dan polisi yang lebih jelas digubal untuk kesejahteraan inklusif rakyat.

Perubahan dinamik di peringkat global dan nasional ini menuntut warga DOSM untuk keluar dari kepompong keslesaan bagi mencabar status quo dan melahirkan inovasi yang benar-benar signifikan dan berimpak tinggi kepada Jabatan. Seluruh warga DOSM hendaklah bersedia untuk merubah minda dan cara bekerja bagi memastikan penghasilan inovasi secara berterusan dalam semua aspek penyampaian perkhidmatan dan meletakkan keperluan pengguna sebagai keutamaan. Hasrat ini telah dinyatakan dalam Pelan Transformasi Jabatan Perangkaan Malaysia 2015-2020 yang menjadi dokumen halatuju Jabatan untuk tempoh enam tahun ke arah merakyatkan perkhidmatan statistik dan membudayakan keputusan berdasarkan bukti.


Tahun pertama pelaksanaan Pelan Transformasi 2015-2020 telah menyaksikan kejayaan Jabatan menempa nama di pesada dunia apabila berjaya dalam pembidaan penganjuran World Statistics Congress kali ke-62 pada 2019 di Kuala Lumpur. Kewibawaan Jabatan di peringkat serantau turut diperakui dengan menjadi tuan rumah dan mempengerusikan Fifth Session of the ASEAN Community Statistical System Committee pada 3-5 November 2015 di Cyberjaya. Sesungguhnya, kejayaan ini merupakan hasil daripada komitmen warga DOSM yang bergerak seiring agenda transformasi Jabatan.

Perjalanan Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi statistik yang tebilang di dunia menjelang 2020 telah berada di fasa akhir dan banyak lagi pembaharuan yang perlu dilakukan. Oleh itu, saya menyeru warga DOSM agar mempertingkatkan integriti dan produktiviti untuk merealisasikan hasrat murni ini. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga DOSM dalam memberikan perkhidmatan yang telus dan cemerlang. Saya berharap supaya usaha ini dapat dilaksanakan secara berterusan di masa-masa akan datang. Semoga Berita Stats ini akan terus menjadi salah satu wadah informasi kepada seluruh anggota Jabatan Perangkaan Malaysia.



“Statistik merupakan pemangkin kepada kehidupan moden dan asas perancangan kepada kerajaan serta komuniti. Maklumat berkualiti akan membentuk kehidupan kita ke arah yang lebih sejahtera”

-Utusan Malaysia, 20 Oktober 2015



YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman bin Hasan



## *Tinta Pengarang*

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, dan Salam 1Statistik.*

Tahniah dan penghargaan saya tujuhan kepada semua yang telah berganding bahu menjayakan pelbagai aktiviti dan program pada tahun 2015. Keluaran Berita Stats yang diterbitkan dua kali setahun ini merupakan bahan rujukan untuk warga DOSM khususnya dan masyarakat amnya untuk mengenali Jabatan.

Peranan Jabatan adalah sebagai Penjana Statistik Negara. Strategi Jabatan adalah memperluas dan mengintegrasikan maklumat melalui jalinan kerjasama. Sehubungan itu, Jabatan sentiasa mengadakan kerjasama melalui MOU yang termeterai dengan universiti dan agensi berkepentingan sepanjang tahun 2015 untuk membawa manfaat jangka panjang kepada negara melalui penyebaran data kepada masyarakat. Permintaan data daripada awam dan penuntut universiti semakin rancak dan ia merupakan satu aspek penting bagi kita menyampaikan maklumat dan data yang tepat dan berkualiti. Jalinan kerjasama sebegini dapat membantu Jabatan terus memberikan komitmen untuk mempertingkatkan kesahihan dan ketepatan data supaya dapat menyumbang kepada kesejahteraan pelbagai lapisan masyarakat.

Fokus utama keluaran kali ini akan memaparkan Sambutan Hari Statistik Sedunia kali kedua yang telah disambut pada 20 Oktober 2015 yang lalu di seluruh Malaysia dengan pengisian program seperti bicara statistik, `seminar transformasi statistik bersama komuniti, STATS Run dan MYStats. Secara tidak langsung, program sambutan ini telah dapat mempromosikan produk dan perkhidmatan Jabatan kepada masyarakat luar.

Tahun ini juga, buat julung kalinya Jabatan telah berjaya dalam pembidaan penganjuran World Statistics Congress (WSC) kali ke-62 pada 2019. WSC kali ke-62 ini akan diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre pada 18 hingga 23 Ogos 2019 yang dijangka dihadiri 2,500-3,000 pakar statistik daripada lebih 100 buah negara dan sebanyak 1,500 kertas sains statistik akan dibentangkan. Ini merupakan satu kejayaan yang sangat besar dan amat bermakna kepada Jabatan khasnya dan negara secara umumnya.

Justeru, tahniah saya ucapan kepada semua warga Jabatan yang telah bersama mengembeling tenaga menjayakan semua aktiviti dan program yang dianjurkan sepanjang tahun 2015. Oleh itu, marilah kita terus melangkah ke hadapan memastikan kecemerlangan Jabatan dalam penyebaran data statistik kepada masyarakat. "Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera."

Salam hormat.



*Dr. Hj. Ismail bin Yusoff*

Timbalan Ketua Perangkawan (Ekonomi)

**SUCCESS**  
IS DOING THE  
RIGHT THINGS  
LONG ENOUGH  
UNTIL YOU  
FINALLY  
ACHIEVE YOUR  
GOALS.

# PROFIL PENGARAH



Nama : Roslawati binti Yahya	Kelulusan : i) Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian), UKM
Tarikh Lahir : 25 Mei 1972	ii) Sarjana Ekonomi, UKM
Tempat Lahir : Pasir Mas, Kelantan	
Pendidikan Rendah : Sek. Keb. Tiang Chandi, Pasir Mas, Kelantan	Mula berkhidmat / lantikan : 1 Jun 1999
Pendidikan Menengah : Sek. Men. Sultan Ibrahim (1), Pasir Mas, Kelantan	

**Pengalaman Kerja:**

BIL	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	1.6.1999 – 30.3.2005	Bahagian Metodologi	Perangkawan N3/E41
2.	1.4.2005 -14.5.2008	Bahagian Perangkaan Akaun Negara	Perangkawan E44/E48
3.	15.5.2008 – 8.9.2013	Bahagian Petunjuk Ekonomi	Perangkawan E52
4.	9.9.2013 – 17.5.2015	Bahagian Khidmat Pengurusan	Perangkawan E52/ E54(KUP)
5.	18.5.2015 – Kini	Bahagian Petunjuk Ekonomi	Pegarah E54(KUP)/ E54(M)

**Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:**

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>RETA 6483 – Adopting the Supply and Use Framework Towards 1993 System of National Accounts Compliance in Selected DMCs</i>	Manila, Filipina	13 - 17 Julai 2009
2.	<i>Joint Research Project on the Compilation and Use of the 2005 Asian International Input-Output Table</i>	Chiba, Japan	13 - 18 Disember 2009
3.	<i>Workshop on Sectoral Balance Sheets and Accumulation Accounts</i>	Singapura	26 - 30 Mac 2012
4.	<i>R-CDTA 8838-Regional Training And Technical Evaluation Workshop On Updating The Supply And Use Tables Framework</i>	Jakarta, Indonesia	24 - 27 November 2015

**Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:**

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>SESRIC : Supply-Use and Input-Output Tables Training</i>	Bilik Komputer, Jabatan Perangkaan Malaysia	17 - 19 Oktober 2012
2.	<i>SAS Enterprise Guide 1 : Querying and Reporting</i>	Bilik Komputer, Jabatan Perangkaan Malaysia	30 - 31 Oktober 2012
3.	<i>ISAS JMP : Data Exploration</i>	SAS Central Plaza, Kuala Lumpur	29 - 30 November 2012
4.	Taklimat Sistem Perakaunan Syarikat dan Cukai Barang & Perkhidmatan GST	Hotel Bluewave, Shah Alam	20 - 22 September 2015
5.	Kolokium Statistik 2015	ILSM, Sungai Perak	27 - 28 Oktober 2015
6.	<i>Fifth Session of the ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee</i>	Cyberview Resort and Spa, Cyberjaya	3 - 5 November 2015
7.	<i>Malaysia Statistics Conference, MyStats 2015</i>	Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia	17 November 2015
8.	<i>Kursus Leadership : Five Minds for the Future</i>	ILSM, Sungai Perak	30 November -2 Disember 2015



# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

Nama : Norfariza Hanim binti Kasim  
 Tarikh Lahir : 31 Oktober 1971  
 Tempat Lahir : Perlis  
 Pendidikan Rendah : 1. Sek. Keb. Marian Convent, Setapak, Kuala Lumpur  
                     2. Sek. Keb. Kem Pakit, Simanggang, Sarawak

Pendidikan Menengah : Sek. Men. Derma, Kangar, Perlis  
 Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik Universiti Putra Malaysia  
 Mula berkhidmat / lantikan : 17 Februari 1997

**Pengalaman Kerja:**

BIL	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	Feb. 1997 - Mei 2008	Bahagian Banci Penduduk dan Perumahan	Perangkawan N3/N41/E41/E44/E48
2.	Mei 2008 - Okt. 2008	Jabatan Perangkaan Negeri Sembilan	Perangkawan E52
3.	Okt. 2008 – Julai 2011	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial	Perangkawan E52
4.	Okt. 2011 - Sept. 2013	Malaysia Development Institute (MDI), Unit Perancang Ekonomi	Perangkawan E52
5.	Okt. 2013 - Nov. 2014	Unit Statistik, Unit Perancang Ekonomi	Perangkawan E52
6.	Dis. 2014 - Nov. 2015	Unit Statistik, Unit Perancang Ekonomi	Perangkawan E54 (KUP)
7.	Nov. 2015 - kini	Jabatan Perangkaan Negeri Pulau Pinang	Pengarah E54

**Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:**

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Expert Group Meeting on Population and Housing Censuses</i>	Bangkok, Thailand	9-10 Dis. 2004
2.	i. <i>IPUMS-Global Workshop: Integrating Census Microdata of Asia and the Pacific Region</i> ii. <i>22nd Population Census Conference</i>	Seattle, USA	6-9 Mac 2005
3.	i. <i>IPUMS - Workshop "Integrating Global Census Microdata"</i> ii. <i>56th Session of the International Statistical Institute (ISI)</i>	Lisbon, Portugal	22-29 Ogos 2007
4.	<i>18th International Conference of Labour Statisticians</i>	Geneva, Switzerland	24 Nov. – 5 Dis. 2008
5.	<i>Regional Expert Meetings for the ISCED Review</i>	Bangkok, Thailand	15-16 Okt. 2009
6.	<i>Consultative Meeting to Develop a Regional Programme on Gender Statistics In Asia and The Pacific</i>	Bangkok, Thailand	22 - 23 Sept. 2010
7.	<i>OPHI-HDCA Summer School on Capability and Multidimensional Poverty</i>	Jakarta, Indonesia	23 Ogos-4 Sept. 2012

**Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:**

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	<i>Ninth Course / Workshop on Sample Design for Household and Establishment Surveys</i>	Jabatan Perangkaan, Putrajaya	8 Sept - 3 Okt 2003
2.	<i>Kursus Effective Leadership and Interpersonal Skills For Managers</i>	Puteri Resort Ayer Keroh, Melaka	13 - 15 Sept 2006
3.	<i>Workshop on Demographic Analysis Using Excel</i>	Universiti Malaya, WPKL	17-18 Feb. 2014
4.	<i>Bengkel Developing Effective Writing Skills for Journal</i>	ILSM, Perak	20-22 Ogos 2014
5.	<i>3rd Asian Population Association (APA) conference</i>	Berjaya Times Square Hotel, WPKL	27 - 30 Julai 2015
6.	<i>Kursus Leadership: Five Minds for the Future</i>	ILSM, Perak	30 Nov - 2 Dis 2015



# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI MELAKA

Nama : Sharuddin bin Shafie	Kelulusan : Ijazah Sarjana Muda Ekonomi
Tarikh Lahir : 08 Mei 1974	Universiti Kebangsaan Malaysia
Tempat Lahir : Tumpat, Kelantan	
Pendidikan Rendah : Sekolah Rendah Kebangsaan Geting Tumpat, Kelantan	
Pendidikan Menengah : Sekolah Menengah Kebangsaan Putra, Gua Musang, Kelantan	Mula berkhidmat / lantikan : 01 Jun 1999

### Pengalaman Kerja:

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	01 Jun 1999 - 31 Mei 2009	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor	Perangkawan E41 Perangkawan E48(M)
2.	01 Jun 2009 - 15 Februari 2011	Bahagian Metodologi dan Penyelidikan	Perangkawan E48
3.	16 Februari 2011 - 31 Januari 2015	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial	Perangkawan E48
4.	02 Februari 2015 - Kini	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka	Pengarah E52(M)

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat luar negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	Technical Meeting: ASEAN International Labour Immigration Statistics Database	Thailand	01 November 2013
2.	ASEAN Multi Sectoral Workshop on MDG's: Acceleration Strategics and Priorities Beyond 2015	Myanmar	31 Julai 2012
3.	International MDG Conference 2011	Philippines	19 – 21 Oktober 2011
4.	International Workshop on Business Register	China	25 – 27 Mei 2011
5.	Third Group Training Course in Modules on Fundamental Official Statistics	Japan	01 Oktober 2007 – 14 Mac 2008

### Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	Bengkel Developing Effective Writing Skills for Journal	ILSM, Perak	20 – 23 Ogos 2014
2.	Fifth Session of The ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee	Cyberjaya, Selangor	03 – 05 November 2015
3.	Malaysia Statistics Conference MyStats 2015	WPKL	07 November 2015
4.	Kursus Leadership: Five Minds for The Future	ILSM, Perak	30 November 2015 – 02 Disember 2015



# PROFIL PENGARAH

## JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA NEGERI PERLIS

Nama	: Mohd Shahrill Bin Abdul Rashid	Pendidikan Menengah	: Sek. Men. Saint Joseph (B)
Tarikh Lahir	: 28 Oktober 1980	Kelulusan	: Diploma Statistik (UiTM)
Tempat Lahir	: Gombak, Kuala Lumpur		Ijazah Sarjana Muda Sains (Kep.) Statistik (UTM)
Pendidikan Rendah	: Sek. Keb. Taman Selayang, Selangor Sek. Keb. Bandar Tun Razak, Cheras Kuala Lumpur		Sarjana Muda Sains Statistik, (UKM)
		Mula berkhidmat / lantikan	: 18 Julai 2005

**Pengalaman Kerja:**

BIL.	TARIKH	BAHAGIAN	JAWATAN
1.	18 Jul. 2005 - 25 Sep. 2011	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor	Perangkawan N41/E41
2.	26 Sep. 2011- Sekarang	Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis	Pengarah E44

**Antara latihan / bengkel / kursus / mesyuarat dalam negara yang pernah dihadiri:**

BIL.	AKTIVITI	TEMPAT	TEMPOH
1.	Konvensyen Perlis Maju Rakyat Minda Kelas Pertama	Dewan Warisan, Perlis	25 Jan 2016
2.	Seminar On Statistics, Indices, Construction & Automation (Sica)	Hotel Pullman Putrajaya Lakeside	26 Okt 2015
3.	Kolokium Statistik 2015	ILSM, Sungai Perak	27 - 28 Okt 2015
4.	Malaysia Statistics Conference MyStats 2015	Sasana Kijang, Kuala Lumpur	17 Nov 2015
5.	Kursus Leadership: Five Minds for the Future	ILSM, Sungai Perak	30 - 2 Dis 2015
6.	Bengkel Pelaporan & Penerbitan Sekretariat Perlis Maju 2015	Hotel Fave Pulau Langkawi, Kedah	27 - 1 Mac 2014
7.	Bengkel Pemantapan Inisiatif Perlis Maju 2015	Hotel Seri Malaysia, Perlis	28 - 29 Apr 2014
8.	Millenium Development Goals	ILSM, Sungai Perak	3 - 5 Jun 2014
9.	Leading Organizations Creatively	ILSM, Sungai Perak	13 - 15 Okt 2014
10.	Emerging Management Development Program (EMDP 1.0)	Hotel Selesa, Johor Bahru	17 - 21 Ogos 2014
11.	Kursus Leading Organisations Creatively	ILSM, Perak	13 - 15 Okt. 2014
12.	ISI Regional Statistics Conference 2014	Sasana Kijang, Kuala Lumpur	17 - 19 Nov. 2014
13.	Kursus Imbalan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa	Perak	11 - 13 Jun 2013
14.	Bengkel Pengukuhan Gerak Kerja Sekretariat, Urusetia dan Pemilik Indikator Perlis Maju 2015	Pulau Pinang	5 - 7 Jul 2013
15.	Kursus Pengurusan Kewangan dan Tatatertib	Perak	9 - 11 Okt 2013
16.	Kursus Penulisan Artikel Jurnal	Wilayah Persekutuan Putrajaya	28 - 30 Okt 2013
17.	First Preparatory Meeting of Mirror Analysis on IMTS	Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya	11 Jul. 2012
18.	National Statistics Conference	Sasana Kijang, Kuala Lumpur	7 Nov. 2012

# LAWATAN

Putrajaya, Julai-Disember 2015 – Jabatan telah menerima beberapa lawatan dari agensi dalam negara maupun luar negara. Lawatan seperti ini merupakan medium bagi memperkenalkan peranan Jabatan dan ia juga merupakan salah satu platform bagi mendidik literasi statistik dalam kalangan umum selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan 2015-2020.

Program lawatan ini memberi peluang kepada agensi untuk mendapatkan maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan. Antara agenda lawatan adalah taklimat berkenaan maklumat korporat Jabatan, maklumat kerjaya serta isu-isu berkaitan statistik seperti yang dimohon oleh agensi. Penceramah daripada Bahagian Butiran Perkara turut dijemput bagi memberi penerangan berkaitan statistik yang ingin dipelajari oleh agensi tersebut.

## DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	BIL. PEGAWAI/ PESERTA
1.	Universiti Teknologi MARA, Segamat, Johor	9 Disember 2015	Untuk mengetahui berkenaan Ekonomi Semasa dan Penemuan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan (HIES) 2014	45

## LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	TARIKH LAWATAN	TUJUAN LAWATAN	BIL. PEGAWAI/ PESERTA
1.	Statistics Bureau of Guangxi Zhuang Autonomous Region, China	21 Ogos 2015	Untuk mengetahui pengurusan dan operasi yang diamalkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia serta memperkenalkan Forum China-ASEAN Statistik 2015 yang diadakan pada 18-19 September 2015 di Nanning. DOSM dijemput secara peribadi untuk menghadiri seminar tersebut.	7
2.	GSO of Vietnam	7 - 11 September 2015	Untuk mengetahui berkenaan Statistik Tenaga Buruh dan Pekerjaan di Malaysia dari segi Kaedah, Konsep, Proses dan Penyebaran Penyiasatan Tenaga Buruh, Gaji dan Upah, Sektor Informal dan Kajian Pendapatan Ibu Rumah.	6

## KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH UNIT STRATEGI NASIONAL (NSU), KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Putrajaya, 10 September 2015 – Jabatan telah menerima kunjungan hormat daripada Pengarah Unit Strategi Nasional (NSU), Kementerian Kewangan Malaysia, Dr. Aminuddin Hassim. Kunjungan ini telah diadakan di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia bertujuan membincangkan ketersediaan data yang lebih terperinci untuk pemantauan inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).



# BERITA STATS

## SEMINAR TRANSFORMASI STATISTIK BERSAMA KOMUNITI

Sesi Transformasi Statistik Bersama Komuniti merupakan salah satu program utama yang dirancang oleh DOSM bertujuan meningkatkan pemahaman komuniti tentang kepentingan data statistik yang berkualiti dan menepati masa kepada pembangunan ekonomi negara.

Selain mempromosikan DOSM sebagai *national compiler*, sesi transformasi ini turut bertindak sebagai medium untuk merapatkan hubungan antara komuniti dan warga Jabatan. Sesi ini telah berlangsung di semua JP Negeri bermula Mac 2015. Sejajar dengan visi Jabatan, sesi ini diharapkan mampu mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan perangkaan setanding dengan organisasi statistik negara maju.



BIL.	JABATAN PERANGKAAN	TARIKH	TAJUK SEMINAR TRANSFORMASI STATISTIK BERSAMA KOMUNITI
1.	JP Kelantan	9 Ogos 2015	Kepentingan Statistik Ekonomi Dalam Mengukur Pencapaian Aspirasi Negara
2.	JP Johor	18 Ogos 2015	Kadar Inflasi: Pengukuran dan Kesan Kepada Pengguna
3.	JP Sabah	18 Ogos 2015	Responden Pemacu Statistik Berkualiti, Teras Pembangunan Negara Mampan



## STATSTALK BERSAMA PELAJAR UNIVERSITI

Program StatsTalk merupakan sesi perkongsian maklumat dan idea statistik yang dianjurkan khas untuk pensyarah dan pelajar universiti yang mempunyai jalinan kerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia. Program ini bertujuan meningkatkan pemahaman dan pengetahuan berkaitan fungsi Jabatan dalam kalangan pelajar universiti.

BIL.	UNIVERSITI	TARIKH
1.	Malaysia University of Science and Technology (MUST)	17 September 2015
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia	16 Oktober 2015
3.	Universiti Teknologi MARA, Shah Alam	16 Oktober 2015
4.	Universiti Utara Malaysia	20 Oktober 2015
5.	Universiti Teknologi MARA (Cawangan Kelantan)	14 Mei 2015



Malaysia University of Science and Technology



Universiti Utara Malaysia



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kelantan



Universiti Kebangsaan Malaysia



Universiti Teknologi MARA, Shah Alam



# STATSRUN

Bagi mengalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia sambil menarik minat mereka terhadap statistik, Jabatan telah menganjurkan Larian Statistik (StatsRun) pada 17 Oktober 2015 di Presint 3, Dataran Putrajaya. Larian ini telah menarik lebih 4,500 penyertaan yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat dengan penyertaan tertinggi dalam kalangan generasi Y. Acara ini telah dianjurkan bersempena Hari Statistik Dunia kali kedua yang disambut pada 20 Oktober 2015 yang bertemakan "Better Data, Better Lives". Stats Run 2015 telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Dato 'Sri Abdul Wahid Omar di hadapan Istana Kehakiman di Presint 3, Putrajaya. Acara ini terbahagi kepada 3 kategori iaitu 10km, 5km, dan Fun Run (3km). Para pemenang telah menerima hadiah berupa wang tunai, pingat dan sijil e-penyertaan. Selain itu, acara tersebut merupakan sebahagian daripada kempen kesedaran untuk meningkatkan responsif dan pemahaman orang awam mengenai sumbangan statistik kepada kehidupan mereka dan ekonomi negara. Program ini merupakan anjuran bersama Jabatan Perangkaan Malaysia dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Perbadanan Putrajaya.





# BICARA STATISTIK 2015

## “KEMUNCAK SAMBUTAN HARI STATISTIK SEDUNIA”



Program ini telah dihadiri oleh penceramah ternama dari pelbagai agensi yang berkongsi pandangan dan pengalaman mereka dalam perihal statistik. Mereka yang dimaksudkan ialah Tan Sri Dato' Seri Dr. Sulaiman Mahbob, Pengurus Telekom Malaysia Berhad; Profesor Datuk Dr Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor UKM; Datuk Zakaria Abd. Wahab, Ketua Editor, BERNAMA; dan Pn. Nazaria Baharudin, Pengarah Kanan Bahagian Perangkaan Perkhidmatan. Sesi ini telah dikendalikan oleh Encik Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour, Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia. Program ini telah disertai oleh seramai 500 perwakilan daripada pelbagai agensi dan Institusi Pengajian Tinggi serta warga Jabatan Perangkaan Malaysia.



Malaysia bersama-sama negara anggota pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menyambut Hari Statistik Sedunia pada 20 Oktober 2015 yang bertemakan “Better Data, Better Lives” (Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera). Pemilihan tema tersebut adalah bertepatan untuk menggambarkan kepentingan kapasiti statistik nasional yang lestari dalam menghasilkan statistik dan indikator yang boleh dipercayai dan bertepatan masa. Data yang berkualiti sangat diperlukan dalam penggubalan dasar berdasarkan bukti dan pemantauan agenda pembangunan pasca 2015 di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

Penganjuran Bicara Statistik pada 20 Oktober 2015 merupakan acara kemuncak sambutan Hari Statistik Sedunia. Program bual bicara dalam kalangan pengamal dan pengguna statistik dengan tajuk “The Power of Statistics: Better Data, Better Lives” mengupas revolusi dan cabaran ke arah pengeluaran statistik baharu dan penggunaan statistik yang lebih sofistikated.





# MALAYSIA STATISTICS (MYSTATS) CONFERENCE 2015

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menganjurkan persidangan MyStats kali ketiga pada 17 November 2015 dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Institut Statistik Malaysia di Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia. Persidangan ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Dato 'Seri Abdul Wahid Omar yang bertemakan "*Enriching Statistics in an Inter-connected and Digital World*". Tema ini bertepatan dalam menggambarkan dunia hari ini yang saling berhubung sejajar dengan kemajuan teknologi maklumat.

Terdapat 9 sesi perbincangan yang telah dijalankan sepanjang program ini dengan pembentang dari agensi-agensi tempatan dan luar negara; setiap sesi memberi platform yang berbeza kepada peserta dengan menawarkan idea berhasil mengenai pelbagai teknik dalam memperkayakan statistik dalam persekitaran ekonomi / kewangan dan digital yang bersepadu.

Antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, ISM, MIT Sloan School of Management, EPU, UKM, UPM, USM, UPSI, UTeM, UNISEL, UMT, MDeC, MMU, ISIS, Monash University, MESTI, Oracle, Google, Bank of Thailand, Bank Indonesia dan STIS Jakarta.



Persidangan itu telah menarik lebih daripada 500 peserta dari pelbagai agensi. Terdapat juga pameran kerjaya yang melibatkan sekurang-kurangnya 250 pelajar dari kalangan penuntut universiti dan institusi swasta serta orang awam.





# MALAYSIA MENJADI TUAN RUMAH iSi WSC KE-62 PADA 2019 DI KUALA LUMPUR

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Mac 2015 telah meluluskan cadangan Jabatan Perangkaan Malaysia untuk membida pengajuran World Statistics Congress (WSC) kali ke-62 pada 2019. Sehubungan itu, delegasi Malaysia yang diketuai oleh Ketua Perangkaan Malaysia bersama 2 orang pegawai Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 3 orang pegawai dari Bank Negara Malaysia (BNM) dan 2 orang pegawai dari Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB) telah menghadiri pembidaan pengajuran WSC kali ke-62 di Rio De Janeiro, Brazil pada 25 hingga 31 Julai 2015.

Ketua Perangkaan Malaysia telah membentangkan pembidaan tersebut di International Statistical Institute (ISI) Council Meeting pada 25 Julai 2015 dan di ISI General Assembly pada 30 Julai 2015. Berdasarkan pembidaan yang telah dibentangkan oleh Jabatan, ahli ISI Council dan ISI General Assembly telah sebulat suara memilih Malaysia untuk menjadi tuan rumah WSC kali ke-62 pada tahun 2019. Manakala High Commission for Planning, Morocco telah dipilih oleh ISI untuk menjadi tuan rumah pengajuran bagi WSC kali ke-61 pada tahun 2017.



WSC kali ke-62 akan diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre pada 18 hingga 23 Ogos 2019. Berdasarkan persidangan yang lepas, dijangka WSC kali ke-62 akan dihadiri oleh 2,500-3,000 pakar-pakar statistik daripada lebih 100 buah negara dan sebanyak 1,500 kertas sains statistik akan dibentangkan.

Pengumuman Malaysia berjaya membida pengajuran WSC kali ke-62 ini telah diterbitkan di Daily News WSC kali ke-60 bertarikh 31 Julai 2015.



Ketua Perangkaan Malaysia bersama President ISI 2013/2013 Prof. Vijay Nair

*Syabas  
dan  
Tahniah*

## BANTUAN TEKNIKAL OLEH KONSULTAN UNITED NATIONS STATISTICS DIVISION (UNSD) BAGI DEVELOPMENT ACCOUNT PROJECT SUPPORTING DEVELOPING COUNTRIES MEASURE PROGRESS TOWARDS ACHIEVING A GREEN ECONOMY



Putrajaya - Ms. Cristina M.M. Klimsza, Konsultan UNSD telah memberi bantuan teknikal di Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 10 hingga 21 Ogos 2015 untuk penyusunan set indikator *Green Economy (GE)* bagi *Development Account Project Supporting Developing Countries Measure Progress towards Achieving a Green Economy*. DOSM telah dilantik sebagai focal point bagi projek ini.

Beberapa program telah diadakan semasa sesi bantuan teknikal ini meliputi lawatan kerja ke Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; perkongsian ilmu, mesyuarat serta perbincangan. Hasil dari projek ini, satu set indikator GE Malaysia yang dipersetujui oleh Kementerian/Jabatan/agensi berkaitan yang dapat mengukur pencapaian GE negara akan diterbitkan.



## 1ST MEETING OF THE WORKING GROUP ON INTERNATIONAL MERCHANDISE TRADE STATISTICS (WGIMTS)

Putrajaya - Mesyuarat WGIMTS buat julung kalinya yang melibatkan negara-negara anggota ASEAN yang pertama kali untuk Negara ASEAN telah diadakan di Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya pada 8-9 Oktober 2015. Tujuan mesyuarat ini adalah untuk mengenalpasti isu dan pengharmonian aktiviti berkaitan statistik perdagangan antarabangsa di peringkat ASEAN. Seramai 20 peserta Singapura, Thailand, Vietnam, Indonesia, Loa PDR, Myanmar, Kemboja, Filipina dan Malaysia serta sekretariat ASEAN dan EU compass expert telah menghadiri mesyuarat tersebut.





# THE 5TH SESSION OF THE ASEAN COMMUNITY STATISTICAL SYSTEM (ACSS) COMMITTEE

Cyberjaya, 5 November 2015 - Jawatankuasa ACSS telah bermesyuarat pada 3-5 November 2015 bagi membincangkan isu-isu statistik yang dapat menyumbang kepada pembentukan komuniti ASEAN. Selaras dengan peranan Malaysia sebagai pengurus ASEAN tahun 2015, mesyuarat ACSS pada tahun ini dipengerusikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan.



Sesi yang berlangsung selama tiga hari ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 3 November 2015 di Cyberjaya. Sesi ini telah dihadiri oleh 72 delegasi dari kalangan ketua agensi statistik negara ASEAN dan rakan strategik ASEAN. Sesi ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu peningkatan keperluan data ASEAN; pengukuhan dan pelestarian ACSS; peningkatan komunikasi, kewujudan dan kegunaan statistik ASEAN; serta merapatkan jurang pembangunan.





Sesi ini telah meluluskan Plan Strategik ACSS 2016-2025 dan telah menerima pakai strategi komunikasi untuk terus memperkuatkan penyediaan statistik yang relevan, bertepatan masa dan boleh dibandingkan bagi menyokong penubuhan komuniti ASEAN. Di samping itu, Kod Amalan ACSS akan dilaksanakan bertujuan untuk menjamin kepercayaan, kebertanggungjawaban dan tahap profesionalisme yang tinggi dalam penyediaan statistik ASEAN. Seterusnya, aktiviti pembangunan kapasiti melalui inisiatif ASEAN-bantu-ASEAN akan ditambahbaik dengan kerjasama negara-negara anggota ASEAN dan rakan strategik ASEAN.

Dalam mesyuarat tersebut turut diumumkan Jawatankuasa ACSS telah menjadi sebahagian daripada badan sektoral dalam ASEAN Charter seperti dipersetujui oleh Wakil Tetap ASEAN pada September 2015. Pencapaian ini menunjukkan peranan ACSS dalam pembangunan ASEAN telah semakin penting.



# KUMPULAN Q-STATS JOHAN ZON AGENSI PERSEKUTUAN (KATEGORI PENGURUSAN) KONVENTSYEN KIK WILAYAH SELATAN



Kuching, 13 Ogos 2015 - Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak, Peringkat Zon Selatan yang diadakan pada 10 hingga 13 Ogos 2015 telah diwakili oleh Kumpulan Q-Stats dari JP Sarawak. Dengan tajuk projek "Kesukaran Menyediakan Data Petunjuk Ekonomi Negeri Sarawak", Kumpulan Q-Stats telah dinobatkan sebagai juara Peringkat Zon Selatan, Sarawak bagi kategori Agensi Persekutuan (Pengurusan).



## MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGIKTIRAFAN AMALAN EKSA OLEH MAMPU KEPADA JP NEGERI KELANTAN

Kota Bahru, 27 September 2015 - JP Negeri Kelantan telah dianugerahkan Sijil Pengiktirafan Amalan EKSA oleh MAMPU bagi kategori "Cemerlang" manakala Pejabat Operasi Kuala Krai dianugerahkan kategori "Baik" setelah pengauditan dijalankan pada 27 September 2015.

Satu Majlis penyampaian Sijil oleh Ketua Pengarah MAMPU YBhg. Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman kepada Pengarah JP Kelantan, Puan Shafizaermawaty binti Shafei telah diadakan pada 27 September 2015 di JP Negeri Kelantan.



## AKTIVITI PAMERAN

Jabatan Perangkaan Malaysia telah menyertai beberapa pameran yang dianjurkan oleh pelbagai agensi kerajaan sepanjang Oktober hingga Disember 2015. Melalui aktiviti pameran tersebut, Jabatan dapat mempromosi produk & statistik yang diterbitkan serta perkhidmatan yang ditawarkan. Jabatan juga dapat memperjelaskan kepada kumpulan sasaran penggunaan dan kepentingan statistik kepada kehidupan dan keputusan yang dibuat.

BIL.	MAJLIS	TEMPAT	TARIKH
1.	BICARA STATS	Auditorium, Jabatan Perkhidmatan Awam	20 Oktober 2015
2.	MyStats 2015	Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia	17 November 2015
3.	Puspanita	PUSPANITAPURI	16 - 17 November 2015
4.	1 ASEAN ENTREPRENEURSHIP SUMMIT 2015	Kuala Lumpur	21 - 22 November 2015
5.	Hari Inovasi MOSTI	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, MOSTI	10 Disember 2015



**MyStats 2015**



**1 ASEAN ENTREPRENEURSHIP SUMMIT 2015**

**PUSPANITA**



**BICARA STATS**

**HARI INOVASI MOSTI**

# MAJLIS SAMBUTAN HARI INTEGRITI 2015

Putrajaya, 25 November - Majlis sambutan Hari Integriti 2015 telah berlangsung pada 25 November 2015 di Dewan Anggerik, Jabatan Perangkaan Malaysia. Majlis tersebut dihadiri oleh Puan Shuhairoz binti Mohamed dari Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri. Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran berintegriti dalam kalangan anggota Jabatan dan berkongsi pengalaman antara agensi penguatkuasa dengan anggota Jabatan.



Pada Majlis tersebut pameran dari pelbagai agensi turut diadakan seperti Bahagian Integriti dan Tadbir Urus, Jabatan Perdana Menteri, Agensi AntiDadah Kebangsaan dan juga DOSM.



## AKTIVITI SOSIAL DAN KEBAJIKAN

### MAJLIS SILATULRAHIM & PENGIMARAHAN RAMADHAN AL-KAREEM 2015

Majlis Silaturahim & Pengimaran Ramadhan Al Kareem 2015 telah diadakan pada 7 Julai 2015 bersamaan 20 Ramadhan 1436H bertempat di Aras 2, Jabatan Perangkaan Malaysia.



Majlis anjuran Jabatan dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam Statistik (PERKISA), PUSPANITA (Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan Malaysia) dan Kelab Sukan Statistik (KSS) ini telah diserikan lagi dengan kehadiran YB. Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Turut memeriahkan Majlis ini adalah YBhg. Datuk Dr. Haji Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia dan isteri, YBhg. Datin Wan Aziron Ahmad, Pengarah-Pengarah Kanan, Bahagian dan Negeri serta 300 warga Jabatan.



### MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI JABATAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 5 Ogos 2015 - Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengadakan majlis sambutan hari raya 2015 bertempat di dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis Hari Raya JPM yang bertemakan "Di sini Kasih Bersemi" dihadiri Perdana Menteri YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi serta Menteri Kabinet. Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato'Sri Abdul Wahid Omar dan Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Dr Abdul Rahman Hasan.

Dalam ucapan, YAB Dato' Sri Haji Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak mengingatkan agar penjawat awam tidak hilang fokus dan mestи mengutamakan Dasar Transformasi Negara demi kesejahteraan rakyat dan negara. Beliau yakin dan percaya pencapaian negara dapat dilonjakkan dan wawasan negara dapat dicapai dengan kerjasama semua pihak. Sebanyak 20 gerai telah dibuka di majlis tersebut yang menyediakan pelbagai juadah hidangan yang disumbangkan oleh pelbagai agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri.





## SUKAN ANTARA ZON

Kuantan, 5 September 2015 - Sukan Antara Zon (SAZ) Jabatan Perangkaan Malaysia kali ke-11 telah diadakan pada 3 hingga 5 September 2015 melibatkan sejumlah 600 peserta yang mewakili 6 zon. Sebanyak 11 acara sukan telah dipertandingkan. JP Pahang, JP Terengganu dan JP Kelantan merupakan pengajar bersama SAZ ini. 'Sukan Mensejahteraan Warga Jabatan' merupakan tema kejohanan SAZ 2015. Peserta sukan telah ditempatkan di asrama Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Indera Mahkota dan lokasi acara sukan adalah di Kompleks Sukan UIAM, Kuantan Futsal Centre, Premium Lane dan Stadium Darul Makmur. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Rahman Hasan, Ketua Perangkawan Malaysia pada 5 September 2015 yang berlangsung di Stadium UIAM. Antara objektif kejohanan SAZ ini adalah merapatkan lagi hubungan antara warga Jabatan, memupuk disiplin tinggi, semangat kerjasama untuk mencapai kejayaan serta daya juang yang lebih tinggi. Juara SAZ kali ke 11 telah disandang oleh Zon Utara manakala JK Pengajar SAZ akan datang adalah Zon Tengah; Wilayah Persekutuan.



Ping Pong

Bowling



Bola Jaring



Badminton



Sepak Takraw



Bola Sepak

# MINGGU PEMBUDAYAAN INOVASI & KREATIVITI DAN HARI ICT 2015

Program Minggu Pembudayaan Inovasi & Kreativiti (MPIK) dan Hari ICT telah diadakan pada 5 hingga 8 Oktober 2015 di Institut Latihan Statisitk Malaysia (ILSM), Sungkai, Perak.

Program dwi-tahunan ini dianjurkan bertujuan untuk membudayakan inovasi & kreativiti melalui pelbagai aktiviti. Antara aktiviti yang diadakan adalah Bicara inovasi, Pameran Inovasi dan ICT, Pra Konvensyen kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Fun MPIK. Program MPIK dan Hari ICT ini juga menyediakan aktiviti yang memberi pendedahan berkaitan produk ICT terkini melalui pameran oleh agensi lain kerajaan dan sektor swasta.

Majlis ini telah dihadiri oleh seramai 500 anggota daripada semua Bahagian dan Jabatan Perangkaan Negeri. Bagi pameran ICT, sebanyak sembilan syarikat/agensi swasta dan empat agensi sektor awam telah menyertai dan memperkenalkan hasil inovasi.



# KOLOKIUM STATISTIK 2015

Jabatan Perangkaan Malaysia buat julung kali telah mengadakan Kolokium Statistik 2015 di Institut Latihan Statistik Malaysia pada 27 dan 28 Oktober 2015. Bagi penganjuran tahun 2015 ini, sebanyak 23 kertas telah dibentangkan oleh Pegawai daripada Bahagian, Jabatan Perangkaan Negeri dan Perkhidmatan Kader Jabatan. Siri penganjuran kali ini juga melihatkan kelainan dengan memperkenalkan slot *Plenary Sessions* di mana penyelidik daripada Universiti Sains Malaysia iaitu Prof. Dr. Andrew K.G. Tan telah dijemput khas untuk membentangkan hasil kajian yang bertajuk *Empirical Studies from the Malaysian Household Expenditures Survey* yang telah dijalankan di peringkat nasional. Selain itu, buat pertama kalinya juga, sesi kali ini dapat ditonton secara langsung oleh seluruh warga Jabatan melalui *live streaming* di Portal Jabatan Perangkaan Malaysia.

